



JABATAN PERDANA MENTERI
AGensi PENGURUSAN BENCANA NEGARA

UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN MEDIA

PELAN REJUVENASI RAKAN NADMA 2030 MEMPERKASAKAN PERANAN BADAN BUKAN KERAJAAN

PUTRAJAYA, 8 OKTOBER 2024 – YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri hari ini telah melancarkan Pelan Rejuvenasi Rakan NADMA 2030 semasa Konvensyen Rakan NADMA 2024 bertempat di DoubleTree by Hilton Putrajaya Lakeside. Konvensyen ini yang diadakan buat julung kalinya dianjurkan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Pelan Rejuvenasi Rakan NADMA 2030 ini dibangunkan untuk menjadi dokumen rujukan pelbagai pihak berkepentingan bagi merancang, melaksana dan memantau program-program yang memberi impak positif kepada golongan rentan sekaligus dapat memajukan dunia kesukarelaan dan melonjakkan peranan sektor kemanusiaan.

Pelan ini telah menggariskan tiga (3) kumpulan kerja Rakan NADMA yang boleh digunakan sebagai panduan supaya dapat memainkan peranan masing-masing dengan lebih relevan dan berkesan. Kumpulan kerja tersebut adalah Jawatankuasa Pembangunan Kepakaran, Pembangunan Komuniti dan Penyelarasan Operasi dan Koordinasi.

“Saya berharap dengan pewujudan Pelan Rejuvenasi Rakan NADMA 2030 ini dapat menyelesaikan isu-isu yang membabitkan polisi dan garis panduan untuk rujukan NGO, penyelarasan komunikasi dan kawalan keselamatan yang lebih berkesan serta perkongsian teknologi dan kepakaran”, kata Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi.

Beliau berharap agar konvensyen yang diadakan ini dapat menjadi pemangkin kepada kerjasama yang lebih rapat di antara pihak kerajaan dengan badan-badan bukan kerajaan serta mendapat sokongan penuh daripada badan-badan korporat serta agensi swasta supaya pengurusan bencana akan lebih mantap serta menyeluruh.

Penganjuran konvensyen ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mengukuhkan pengurusan risiko bencana melalui pendekatan penglibatan komuniti setempat (*whole of society approach*) sekaligus memartabatkan dan meraikan peranan, sumbangan dan komitmen rakan-rakan NGO bagi menyokong agenda pengurangan risiko bencana (DRR) dan pengukuhan daya tahan yang telah dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri pada 3 Oktober yang lalu.

Penggunaan teknologi seperti perluasan sistem Disaster Geospatial Information Management (DGIM) kepada pihak NGO telah membuahkan kejayaan yang memberangsangkan dalam tadbir urus pengurusan bencana di sesuatu lokasi apabila mereka dapat membuat laporan terus keperluan di lapangan bagi penyaluran segera bantuan. Dalam masa yang sama pihak NADMA juga dapat memantau pergerakan NGO atau sukarelawan dengan lebih berkesan. Impak kerjasama strategik ini dapat menyelesaikan isu pembaziran serta lambakan bantuan di sesuatu tempat dan yang lebih penting adalah dapat memastikan tidak ada tempat yang tertinggal dari segi penerimaan bantuan.

Konvensyen pada hari ini berjaya menghimpunkan peserta daripada pelbagai sektor badan bukan kerajaan dan sukarelawan di bawah payung Rakan NADMA. Penganjuran konvensyen ini membuktikan kerajaan memberi komitmen penuh untuk memperkasakan sistem sokongan terhadap pengurusan bencana negara. Oleh itu, pelbagai pelaksanaan strategi-strategi *game-changer* terus diperhebatkan melalui kolaborasi bersama pihak NGO, swasta dan akademik berteraskan *localization approach*. Sehingga kini, seramai 27,000 orang sukarelawan dan pemain-pemain sektor kemanusiaan dan sukarelawan telah mendaftar sebagai Rakan NADMA sejak ia ditubuhkan pada 2016.

####

Disediakan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Agensi Pengurusan Bencana Negara
8 Oktober 2024